



**TEKS UCAPAN  
YAS KETUA PENGARAH  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN  
MAC 2014  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

**PADA  
21 Mac 2014 (Jumaat)**

**MASA  
9.00 pagi**

**TEMPAT  
Aras 7  
Ibu Pejabat JBPM**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

Salam sejahtera, salam 1Malaysia

Yang berusaha saudara/saudari pengacara majlis

**YAS Dato' Hj Amer b Hj Yusof**

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**YS PKPjB Hj. Zurkarnain bin Mohd. Kassim**

Penolong Ketua Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, selaku *host* perhimpunan bulanan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada kali ini.

**YS Penolong-penolong Ketua Pengarah,  
pegawai-pegawai kanan, tuan-tuan, puan-puan  
dan hadirin yang dihormati sekalian.**

Pertamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah swt kerana dengan keizinanNya dapat kita semua sekali lagi berhimpun pada pagi ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan di atas kelolaan majlis ini.

Bulan Mac 2014 ini merupakan bulan yang mencabar bagi keseluruhan warga bomba. Dalam musim kemarau ini kita menyaksikan peningkatan mendadak kes kebakaran belukar dan hutan. Purata sehari jabatan menerima antara 500 hingga ke 600 panggilan yang melibatkan kebakaran

belukar. Fenomena ini seterusnya menyebabkan peningkatan Indeks Pencemaran Udara (IPU) ke paras yang tidak sihat akibat jerebu yang melanda di beberapa buah daerah. Walaupun sukar, anggota kita tetap bertungkus lumus memadamkan kebakaran.

Belum pun selesai dengan kebakaran hutan, pada 8hb Mac yang lalu kita digemparkan dengan berita kehilangan pesawat MAS MH370. Seluruh negara tertanya-tanya ke mana hilangnya pesawat tersebut. Pelbagai bantuan dari dalam dan luar negara dihulurkan. Koordinasi gerakan mencari dan menyelamatkan disusun sebaik mungkin sehingga ke hari ini. Dari kejadian ini banyak yang dapat kita pelajari. Sebagai sebuah agensi penyelamat, tidak dinafikan tugas mencari dan menyelamatkan merupakan satu usaha yang mencabar dan sangat sukar. Tambahan pula apabila melibatkan operasi

berskala besar. Dalam konteks JBPM pula, mencari punca api di kedalaman tanah gambut, mencari mangsa lemas dalam air yang keroh, menangani bahan kimia yang tidak diketahui tahap kemerbahayaan dan identitinya, mencari mangsa hilang dilembah yang luas dan jurang yang dalam sememangnya mencabar dan memerlukan ketelitian yang merangsang kepekaan.

***Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,***

Untuk perhimpunan bulanan kali ini yang dihoskan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan. Sewajarnya kejadian yang berlaku pada masa ini diambil secara proaktif dengan melihat dan

mengkaji lebih mendalam kelemahan, kekuatan, menganalisa ruang dan peluang yang diambil dalam menangani insiden masa hadapan.

Kajian *fire behaviour* ditanah gambut, kajian tindakan kontijensi dalam keadaan kemarau yang ekstrem, kajian kaedah melawan kebakaran hutan dan gambut yang lebih berkesan boleh dilakukan. Begitu juga peluang yang wujud dari insiden kehilangan pesawat MH370. Kajian yang dilakukan dengan menghubungkait situasi sekarang, saya yakin dan percaya akan menghasilkan satu pelan tindakan yang boleh mengatasi dan memandu jabatan dalam menghadapi suasana yang sama kelak.

Mengimbas kembali Bahagian Perancangan dan Penyelidikan ini merupakan sayap dalam jabatan yang telah memulakan operasinya pada tahun

2008. Setelah 6 tahun, bahagian ini telah mendapat pejabat dan makmal baru yang terletak dikawasan perindustrian Enstek, Nilai, Negeri Sembilan iaitu Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK). Untuk makluman semua, kompleks penyelidikan ini telah diserahkan kepada Jabatan pada 17 Feb 2014 dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan telah berpindah ke bangunan baru ini pada 17 Mac 2014. Oleh kerana kompleks ini masih baru, masih terdapat pelbagai keperluan yang akan ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Jabatan menyedari akan kepentingan penyelidikan dalam dalam organisasi ini. Oleh itu penyelidikan tidak seharusnya bersifat ad-hoc tetapi memerlukan perancangan yang tersusun dengan jangkaan hasil yang dapat menyumbang kepada faedah masyarakat dan Negara. Saya percaya dan yakin bahawa garis-garis tindakan yang telah kita

tentukan untuk membawa jabatan ke arah organisasi berprestasi tinggi adalah yang paling wajar dan bijaksana. Sedikit demi sedikit, kita dapat menyaksikan dengan mata sendiri kemajuan yang dicapai dan ini akan dapat dilipatgandakan melalui hasil-hasil penyelidikan oleh bahagian ini.

Dalam usaha jabatan untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi, bahagian penyelidikan mestilah merangsang semua bahagian terutama bahagian teras jabatan dengan hasil penyelidikan yang mantap dan berkualiti. Kajian samada secara ujikaji, secara kutipan data (survey) atau melalui pembacaan serta pengalaman orang-orang terdahulu perlu diteroka untuk memaparkan satu kaedah yang terbaik untuk diamalkan.



***Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,***

Dari tahun 2008 hingga sekarang beberapa kemajuan telah dicapai oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan ini. Antaranya ialah

1. Mendapat pencapaian cemerlang oleh EPU (Economic Planning Unit) dalam Kajian Impak, Akademi Bomba dan Penyelamat Wakaf Tapai, Terengganu.
2. Membuat pelupusan Asid Picric milik Hospital Kajang
3. Membuat Kajian bersama dengan UKM mengenai Muskuloskeletal dan risiko ergonomic serta fungsi paru-paru kepada Pegawai dan Anggota Bomba di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

4. Mempatenkan 1 produk Inovasi Pegawai Bomba dan Penyelamat dibawah Perbadanan Harta Intelek. Sementara 6 lagi hasil Inovasi masih menunggu untuk disahkan sebagai patent baru oleh Perbadanan Harta Intelek.
5. Kajian-kajian secara *literature* dijalankan oleh Bahagian ini sementara menunggu bangunan makmal siap dibina.

***Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,***

Antara perancangan bahagian ini yang akan dilaksanakan bermula tahun 2014 adalah:

1. Membuat perolehan alat pengukur warna pada tahun 2014 untuk ujian fabrik uniform jabatan.

2. Membuat MoU dengan Universiti Malaya dalam mempertingkatkan kualiti kajiselidik atau standard of research bagi menjamin kajian dijalankan mengikut pematuhan piawaian kualiti antarabangsa.
3. Mengadakan Seminar Halon bagi mempertingkatkan kaedah penyimpanan dan membuat pengkalan data halon yang masih ada di premis yang dibenarkan.
4. Membuat MoU dengan IFE bagi menjalankan ujikaji berkaitan alat-alat penentang kebakaran.

Saya menyeru semua warga bomba supaya dapat mempertingkatkan daya berfikir dan jatidiri dalam mengungguli kerjaya sebagai seorang pegawai bomba. Warga bomba mestilah menggunakan *intellectual capital* yang ada. Modal intelek itu mestilah digunakan untuk mencemerlangkan diri

dan jabatan. Secara bersama-sama, kemampuan itu mesti digembleng secara bersungguh sungguh. Keterampilan tuan-tuan boleh diketengahkan melalui bidang penyelidikan dengan adanya PUSPEK.

Akhir kata saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan di atas pencapaian dan usaha memartabatkan jabatan. Saya amat berharap input dan inovasi yang lebih lagi pada tahun-tahun yang mendatang selari dengan fungsi *core business* Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Sekian,

**Sekian, Walbilahi Taufik Walhidayah  
Wasalamualaikum Warahmatullah  
Hiwabarukatuh. Terima Kasih.**